

**MRL ANJUR PROGRAM CSR FOKUS KELESTARIAN BIODIVERSITI PENYU**

*Kolaborasi MRL dan Jabatan Perikanan Terengganu Lindungi Spesies Penyu Terancam*

**Kerteh, Terengganu, 12 Ogos:** Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) terus memperkukuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dengan menganjurkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memfokuskan kepada kelestarian biodiversiti penyu yang telah berlangsung di Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah, Kerteh baru-baru ini.

Program "Pembersihan, Kesedaran dan Pelepasan Anak Penyu" ini menyaksikan penglibatan aktif lebih 60 orang warga kerja MRL serta kolaborasi erat dengan Jabatan Perikanan Terengganu dan pihak pengurusan pusat konservasi tersebut. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan impak alam sekitar berkaitan projek serta menyokong matlamat biodiversiti negara melalui kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.

Dilengkapi dengan peralatan pembersihan, para sukarelawan telah meluangkan masa selama dua jam untuk menjalankan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan pusat konservasi dan habitat penyu sebelum melepaskan 200 ekor anak penyu ke pantai berhampiran sebagai simbolik usaha pemuliharaan dan komitmen bersama dalam melindungi spesies penyu terancam.

Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Terengganu merupakan antara pusat pemuliharaan penyu yang penting di Malaysia, khususnya bagi menggalakkan habitat tersebut mendarat di pesisir pantai Terengganu untuk bertelur disamping mengelakkan kepupusan habitat penyu yang semakin terancam.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, berkata MRL sentiasa menitikberatkan aspek pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap prinsip ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus). Inisiatif CSR ini mencerminkan komitmen MRL dalam menyokong usaha berterusan untuk melindungi alam sekitar dan memulihara ekosistem yang semakin terancam akibat aktiviti manusia.

"Sebagai pemilik Projek ECRL, kami percaya bahawa pelaksanaan projek pembangunan mesti berjalan seiring dengan tanggungjawab menjaga alam sekitar. Justeru, program ini bukan sahaja menyumbang kepada perlindungan spesies terancam seperti penyu, malah turut memperkukuh kerjasama erat antara pihak MRL dengan pihak berkepentingan, sekali gus menyemai kesedaran warga kerja MRL terhadap kepentingan kelestarian biodiversiti," katanya.



Dato' Sri Darwis turut menyatakan bahawa Projek ECRL juga telah mengambil kira perlindungan alam sekitar dalam reka bentuk jajaran relnya dari Kota Bharu, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor selaras dengan komitmen projek terhadap pembangunan mampan.

Pembinaan Projek ECRL di negeri Terengganu berjalan dengan lancar dan mencatat kemajuan sebanyak 92.35 peratus setakat Julai 2025. Jajaran ECRL sepanjang 248 km di negeri Terengganu merangkumi enam buah stesen iaitu Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Kemasik yang berfungsi sebagai stesen penumpang manakala Dungun dan Chukai bagi tujuan penumpang serta kargo.

MRL, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)], adalah pemilik projek ECRL. Rangkaian ECRL sepanjang 665 km akan merentasi negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, dan Pahang sebelum menghubungkan Lembah Klang di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

-Tamat-

---

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Yong Min Wei di (03-6411 5800 smbg. 5835 / [mwyong@mrl.com.my](mailto:mwyong@mrl.com.my)), Ani Azureen Zainuddin di (03-6411 5800 smbg. 6122 / [azureen@mrl.com.my](mailto:azureen@mrl.com.my)) atau Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah di (03-6411 5800 smbg. 6084 / [hadeeja.sofea@mrl.com.my](mailto:hadeeja.sofea@mrl.com.my))